



**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER NOVEMBER SESI 2000/2001**

**KOD/NAMA KURSUS : EA 1013**

**PRINSIP EKONOMI**

**TARIKH : 20 FEBRUARI 2001**

**MASA : 2.30 - 5.00 PETANG (2 ½ JAM)**

**TEMPAT : DMS/TE/DP/DKG/KYM, IP, IKRAM**

**ARAHAN :**

- 1) Kertas soalan ini terdiri daripada dua (2) bahagian iaitu **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B** dalam **EMPAT BELAS (14)** halaman bercetak.
- 2) **BAHAGIAN A** mengandungi 20 soalan objektif (30 markah) manakala **BAHAGIAN B** mengandungi 5 soalan struktur (70 markah).
- 3) Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan. **BAHAGIAN A** hendaklah dijawab pada kertas jawapan objektif manakala jawapan **BAHAGIAN B** hendaklah ditulis dalam ruangan jawapan yang telah disediakan dalam kertas soalan ini.

**NO. MATRIK :** \_\_\_\_\_   
( dengan perkataan )      ( dengan angka )

**NO. KAD PENGENALAN :**

**NAMA PENSYARAH :** \_\_\_\_\_ **KUMPULAN :**

**JANGAN BUKA SOALAN INI  
SEHINGGA DIBERI ARAHAN**

**BAHAGIAN A (30 MARKAH)**


Bahagian ini mengandungi **20 soalan objektif**. Anda dikehendaki menjawab **kesemua** soalan di dalam kertas jawapan yang disediakan.

1. Berikut adalah jenis cukai tidak langsung **KECUALI**
  - A. cukai jualan
  - B. cukai import
  - C. cukai perkhidmatan
  - D. cukai pendapatan syarikat berhad
  
2. Belanjawan tahunan kerajaan
  - i. menganggar hasil dan perbelanjaan kerajaan
  - ii. adalah dikira berasaskan tahun asas
  - iii. merupakan satu penyata kewangan untuk tahun yang berikutnya
  - iv. mengandungi bahagian cukai dan perbelanjaan
  - A. i, ii dan iii
  - B. i, ii dan iv
  - C. ii, iii dan iv
  - D. semua betul
  
3. Berikut adalah cara kerajaan mengatasi masalah kemelesetan ekonomi **KECUALI**
  - A. menurunkan kutipan cukai
  - B. meningkatkan perbelanjaan kerajaan
  - C. meningkatkan penawaran wang
  - D. meningkatkan pungutan cukai
  
4. Inflasi tolakan kos berlaku kerana
  - A. kenaikan harga akibat dari pergerakan keluk penawaran ke kiri
  - B. kenaikan harga akibat dari pergerakan keluk penawaran ke kanan
  - C. kenaikan harga akibat dari pergerakan keluk permintaan ke kiri
  - D. kenaikan harga akibat dari pergerakan keluk permintaan ke kanan
  
5. Pengangguran struktur berlaku disebabkan oleh:
  - A. ekonomi mengalami kemelesetan
  - B. pekerja-pekerja yang telah berhenti dari kerja asal dan dalam proses mencari pekerjaan baru
  - C. faktor umur yang melebihi 65 tahun
  - D. kehilangan pekerjaan akibat dari perubahan teknologi yang berlaku yang mengakibatkan kemahiran mereka tidak boleh diguna pakai lagi
  
6. Seseorang yang memilih untuk melanjutkan pelajaran daripada bekerja;
  - A. tidak dikira sebahagian daripada tenaga buruh
  - B. dikira sebagai penganggur
  - C. dikira sebagai pekerja yang hilang upaya
  - D. dikira sebagai sebahagian daripada tenaga buruh

7. Jika fungsi penggunaan diberi sebagai  $C = 30 + 0.75Y_d$  dan  $T = 100$ . Maka fungsi tabungan ialah
- $-30 + 0.75Y$
  - $-130 + 0.25Y$
  - $-55 + 0.75Y$
  - $-55 + 0.25Y$
8. Yang manakah di antara berikut akan menyebabkan berlakunya pengurangan di dalam pendapatan negara?
- Pengurangan dalam cukai tetap.
  - Peningkatan dalam saiz perbelanjaan penggunaan.
  - Peningkatan dalam kecenderungan menabung marginal.
  - Peningkatan dalam kecenderungan menggunakan marginal.
9. Jika diberi nilai kecenderungan menggunakan marginal ialah 0.85, maka nilai pengganda perbelanjaan kerajaan ialah
- 1.18
  - 3.58
  - 6.67
  - 8.96
10. Penjualan sekuriti oleh Bank Negara Malaysia akan menyebabkan bekalan wang dalam negara
- berkurangan
  - bertambah
  - tidak berubah
  - nilai wang berubah
11. Gabungan dasar manakah yang akan menyebabkan kadar bunga berkurangan?
- Dasar fiskal mengembang dan dasar kewangan mengembang
  - Dasar fiskal mengembang dan dasar kewangan menguncup
  - Dasar fiskal menguncup dan dasar kewangan mengembang
  - Dasar fiskal menguncup dan dasar kewangan menguncup
12. Sekiranya nisbah keperluan rizab bank diturunkan maka
- pinjaman akan berkurangan
  - pinjaman bank akan meningkat
  - deposit bank akan berkurangan
  - tiada perubahan terhadap pinjaman dan deposit bank
13. Berikut boleh ditakrifkan sebagai bekalan wang kecuali
- deposit semasa
  - sijil deposit boleh niaga
  - sijil Bank Negara Malaysia
  - saham

14. Berikut adalah fungsi-fungsi bank perdagangan kecuali
- menerima deposit pelanggan
  - memberi pinjaman
  - mengeluarkan bank draf
  - menyimpan rizab matawang asing
15. Kuantiti wang yang diminta
- berkurangan apabila inflasi meningkat
  - berkurangan apabila penggunaan meningkat
  - meningkat apabila kadar bunga meningkat
  - meningkat apabila output agregat meningkat.


Soalan 16 hingga 18 adalah berdasarkan rajah berikut



16. Rajah menunjukkan permintaan dan penawaran agregat pada pelbagai tingkat harga. Kadar pengangguran adalah paling minimum sekiranya keluk penawaran agregat (AS) bersilang dengan keluk permintaan agregat (AD)
- AD<sub>0</sub>
  - AD<sub>1</sub>
  - AD<sub>2</sub>
  - AD<sub>3</sub>
17. Dasar fiskal/belanjawan mengembang adalah paling sesuai dilaksanakan jika ekonomi berada pada persilangan keluk AS dengan keluk
- AD<sub>0</sub>
  - AD<sub>1</sub>
  - AD<sub>2</sub>
  - AD<sub>3</sub>

18. Peningkatan permintaan agregat melebihi keluk  $AD_3$  akan menyebabkan
- pengangguran
  - inflasi
  - harga stabil
  - keluaran negara stabil

Soalan 19 hingga 20 adalah berdasarkan rajah berikut:



19. Persilangan keluk permintaan agregat ( $AD_1$ ) dengan keluk penawaran agregat ( $AS_1$ ) menghasilkan titik keseimbangan asal. Peralihan keluk  $AS_1$  kepada  $AS_2$  adalah disebabkan oleh
- kejatuhan dalam tingkat harga
  - peningkatan daya pengeluaran sektor
  - peningkatan cukai perniagaan
  - peningkatan kadar bunga
20. Peralihan AD dan AS ke kanan memberikan impikasi berikut
- tingkat harga yang tinggi
  - tingkat harga yang stabil
  - tingkat output yang rendah
  - tingkat output yang stabil

**BAHAGIAN B (70 MARKAH)**

Bahagian ini mengandungi **lima soalan**. Anda dikehendaki menjawab **semua** soalan di dalam ruang yang disediakan di atas kertas soalan ini.

**Soalan 1 (14 markah)**

- a) Dengan bantuan gambarajah, terangkan bagaimana sebuah firma yang beroperasi di dalam pasaran persaingan sempurna mengalami untung kurang normal.

**(4 markah)**

b) Huraikan tiga ciri perbezaan di antara firma pasaran persaingan sempurna dengan firma di pasaran monopoli **(6 markah)**

c) Andaikan kos marginal adalah sifar, tunjuk dan terangkan di atas satu gambarajah yang sama mengapa keseimbangan output pasaran persaingan sempurna adalah lebih cekap jika dibandingkan dengan keseimbangan output pasaran monopoli. **(4 markah)**

**Soalan 2 (14 markah)**

- a) Jadual di bawah menunjukkan statistik tenaga buruh dan jumlah gunatenaga bagi tahun 2000.

	Tahun 2000
Tenaga pekerja	84, 889
Bekerja	80, 796
Menganggur	
Kadar pengangguran	

- i. Lengkapkan jadual di atas **(2 markah)**

- ii. Terangkan 3 jenis pengangguran **(6 markah)**



- b). Jadual di bawah menunjukkan indeks harga pengguna dalam sebuah ekonomi bagi tahun 1 sehingga tahun 4. Lengkapkan jadual tersebut. **(2 markah)**

<b>Tahun</b>	<b>Indeks harga</b>	<b>Kadar inflasi (%)</b>
1	100.00	
2	112.00	
3	123.20	
4	129.36	

- c). Dengan bantuan gambarajah yang sesuai, jelaskan bagaimana inflasi-inflasi berikut boleh berlaku.

- i. Inflasi Tarikan Permintaan **(3 markah)**

- ii. Inflasi Tolakan Kos **(3 markah)**

**Soalan 3 (14 markah)**

Andaikan ekonomi Negara Sintok berfungsi berdasarkan model berikut:

$$\text{Perbelanjaan pengguna (C)} = 40 + 0.8 Y_d$$

$$\text{Perbelanjaan kerajaan (G)} = 100$$

$$\text{Pelaburan (I)} = 50$$

$$\text{Cukai (T)} = 40$$

a). Berdasarkan maklumat yang diberi;

i. Dapatkan keseimbangan pendapatan Negara Sintok. **(3 markah)**

ii. Dari jawapan (a)i, lakarkan gambarajah yang menunjukkan keseimbangan tersebut. **(3 markah)**

iii. Berapakah nilai tabungan bagi Negara Sintok.

**(2 markah)**

b). Jelaskan perbezaan antara aliran suntikan dan aliran bocoran serta nyatakan angkuh-angkuh yang terdapat di dalam suntikan dan bocoran. **(6 markah)**

**Soalan 4 (14 markah)**

(a) Seorang usahawan L mempunyai wang tunai sebanyak RM 10,000 dan telah mendepositkannya di ZAL Bank. Andaikan bank tersebut tidak mempunyai aset dan liabiliti yang lain. Nisbah keperluan rizab yang ditetapkan adalah 5 peratus.

i. Tunjukkan kedudukan permulaan kunci kira-kira ZAL Bank. (3 markah)

ii. Jika nisbah keperluan rizab meningkat kepada 10%, berapakah jumlah maksimum pinjaman dan deposit yang boleh diciptakan oleh ZAL Bank? (2 markah)

**Soalan 5 (14 markah)**

(a) Tingkat keseimbangan asal dalam pasaran barang dan pasaran wang boleh diubah berdasarkan kepada objektif pelaksanaan dasar makroekonomi.

(i) Sekiranya kerajaan berhasrat untuk meningkatkan keluaran negara melebihi tingkat keseimbangan asal, nyatakan dua dasar yang bersesuaian.

**(2 markah)**

(ii) Dengan bantuan gambarajah, jelaskan kesan peningkatan perbelanjaan kerajaan ke atas tingkat keseimbangan asal dalam pasaran barang dan pasaran wang.

**(6 markah)**

(iii) Melalui dasar kewangan, nyatakan dua langkah yang bersesuaian untuk mencapai ekonomi gunatenaga penuh. **(2 markah)**

(b) Pelaksanaan dasar fiskal dan dasar kewangan dapat mengatasi masalah ekonomi sesebuah negara. Dengan menggunakan model AD=AS, jelaskan dengan bantuan gambarajah kesan pelaksanaan dasar fiskal menguncup ke atas tingkat keseimbangan harga dan output negara. **(4 markah)**